

Bekalan ayam, telur cukup sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan

PUTRAJAYA - Bekalan ayam dan telur di seluruh negara mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dari 18 hingga 31 Mac ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, jaminan itu diberikan oleh Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia dalam perjumpaan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini semalam.

Perbincangan itu melibatkan Ronald bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi dan 12 pemain industri peruncitan dan makanan negara.

“Untuk ayam dan telur (bekalan) pemain industri memberi jaminan kita masih lagi mempunyai lebihan dan beroperasi secara normal,” katanya kepada pemberita selepas perbincangan selama dua jam di sini semalam.

Sementara itu Alexander Nanta berkata, KPDNHEP tidak lagi menerima aduan pembelian panik.

“Setakat ini tidak ada masalah dari segi bekalan makanan tapi semua pihak perlu sedia untuk hadapi sebarang kemungkinan selepas ini jika penularan Covid-19 berpanjangan,” katanya.

Alexander Nanta berkata, pengendali pasar raya turut diminta tidak menaikkan harga barangan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. - *Bernama*